

SUMBANGAN SYARH HADITH DALAM PEMBANGUNAN TAMADUN ISLAM

Shayuthy Abdul Manas

*Ph.D., Associate Professor, Faculty of Usuluddin,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.
Email: shayuthy1551@gmail.com*

Abstrak

As-Sunnah telah memberikan sumbangan yang besar terhadap peradaban dan ketamadunan manusia, antara sumbangan terbesar adalah petunjuk kepada kehidupan berakidah yang sebenar, panduan melalui peraturan dan undang-undang dalam menjalani kehidupan seharian yang dinamakan syariat dan juga aspek pembinaan keperibadian dan kerohanian manusia iaitu akhlak. Ketiga-tiga elemen ini iaitu akidah, syariat dan akhlak mampu membentuk peribadi insan yang sempurna merangkumi roh, akal dan jasad. Kertas kerja ini akan menyentuh mengenai sumbangan syarah hadith dalam pembinaan peradaban dan ketamadunan manusia, mengenengahkan maksud serta kepentingan syarah hadith dalam pembangunan tamadun Islam, sejarah berlakunya aktiviti syarah hadith dan perkembangannya, serta method yang di gunakan oleh para muhaddisin dalam penulisan mereka.

Kata kunci: Sumbangan, Sharah Hadith, Method, Pembangunan, Tamadun

Pendahuluan

Tamadun merupakan suatu peradaban manusia. Ia juga adalah istilah yang membincangkan tentang kekuasaan, kehebatan, kemakmuran dan kemajuan sesuatu bangsa di dalam suatu pemerintahan. Istilah ini juga merujuk kepada perbincangan tentang sejarah keilmuan, peradaban, kemajuan perindustrian dan pembangunan ekonomi sesuatu negara. Tamadun juga merupakan mekanisme yang sesuai bagi mengukur tahap kemajuan sesuatu kaum atau bangsa dari zaman ke zaman. Istilah tamadun ini merupakan istilah peradaban atau kemajuan manusia yang berupaya menggabungkan dua bentuk kemajuan iaitu kemajuan material dan kemajuan sosio-budaya. Kemajuan yang dimaksudkan ini adalah meliputi segala aspek pembangunan yang dicapai oleh sesuatu kaum atau bangsa dalam segala bidang kehidupan sehari-hari.

Walaubagaimanapun, tamadun yang terbaik bagi setiap individu muslim adalah tamadun yang berteraskan kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w, kerana ia mencakupi seluruh aspek kehidupan mahupun kehidupan di dunia serta kehidupan di akhirat kelak. Tamadun yang berteraskan kepada sunnah baginda Rasulullah s.a.w bermaksud sebuah tamadun yang wujud pada zaman Rasulullah s.a.w dengan mengamalkan gaya dan cara hidup yang Islamik yang hanya berpandukan al-Quran dan al-Hadis. antara sumbangan terbesarnya adalah memberi petunjuk kepada kehidupan berakidah yang sebenar, panduan melalui peraturan dan undang-undang dalam menjalani kehidupan seharian yang dinamakan syariat dan juga aspek pembinaan keperibadian manusia iaitu akhlak. Ketiga-tiga elemen ini iaitu akidah, syariat dan akhlak mampu membentuk peribadi insan yang sempurna merangkumi roh, akal dan jasad.

Ada beberapa cendekiawan menjelaskan pandangan mereka memperkukuhkan maksud diatas seperti : Sardar (1989) beliau mengatakan , tidak dapat dinafikan lagi bahawa, sumber premier tamadun Islam serta evolusi pembentukan sains Islam di sekitar seratus tahun pertama hijrah, mempunyai hubungan erat dengan epistemologi Pengajian Islam. Al-Quran dan as-Sunnah sarat dan padat dengan rujukan dan anjuran serta dorongan terhadap umat Islam agar menuntut ilmu, mempelajari, menganalisa dan menganjurkan penggunaan akal semaksimum yang boleh untuk manfaatnya.

Pandangan Syed Hossein Nasr (1984) juga menyokong pandangan ini dengan penegasan beliau bahawa pemangkin ketamadunan Islam adalah pertamanya kekuatan ajaran Islam sendiri yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah nabi Muhammad s.a.w. Keduanya, tamadun-tamadun yang membangun sejajar dengan perkembangan Islam dalam masa yang sama ianya tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.

Keterbukaan dalam budaya ketamadunan dan keilmuan Islam telah menjadi faktor utama perkembangan tamadun Islam. Alias (2008) bersetuju dengan pendapat ini dan mengatakan bahawa al-Quran dan as-Sunnah merupakan penggerak dan pencetus serta pendorong terawal yang telah memperkembangkan kebudayaan ilmu Islam dalam pelbagai bidang, memotivasikan umat Islam dalam meneroka dan membongkar pelbagai lapangan keilmuan.

Menurut Nasr (1984) lagi, Islam sebenarnya telah mengadakan suatu sintesis terpenting dalam sejarah peradaban manusia. Perkembangan pesat tamadun Islam terbukti telah menyaingi tamadun-tamadun lain yang terdahulu dan yang terkemudian. Ianya terhasil daripada kekuatan dalaman yang berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah yang melahirkan kegiatan keintelektualan Islam yang dinamis dan kreatif disamping menyerapi, mengasimilasi dan seterusnya menyaring warisan daripada ketamadunan terdahulu.

Konsep ini tidak terbatas kepada aspek fizikal sahaja tetapi merangkumi seluruh ketaatan kepada Allah SWT. Ziauddin (1992) menyatakan bahawa Islam tidak hanya menggalakkan penerokaan semata-mata tetapi menghubungkannya dengan aspek ibadat, keimanan beserta keperihatinan terhadap nilai-nilai Islam yang lain seperti khilafah, amanah, adil dan istislah (kepentingan umum). Kurshid (1979) pula menyatakan konsep pembangunan dan kemajuan dalam konteks Islam adalah bersifat menyeluruh meliputi aspek moral, kerohanian dan material, kesempurnaan manusia adalah bergantung kepada kesempurnaan iman.

Segala kegiatan ketamadunan dan kemajuan yang dicipta, hendaklah mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan as-Sunnah, sesuatu pembaharuan yang dibuat secara umumnya boleh dikatakan sebagai tamadun tetapi tidak boleh dikatakan tamadun Islam sekiranya terdapat pertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah. Daripada al-Quran dan as-Sunnah dicerakinkan akidah, syariah dan akhlak untuk dilaksanakan di dalam keseluruhan kehidupan manusia (Sulaiman, 1995).

Kertas kerja ini akan menyentuh mengenai usaha ulama muhaddisin dalam mensyarah Hadith-hadith Rasulullah s.a.w untuk memberi sumbangan dalam pembinaan Tamadun Islam. Mengenangkan maksud serta kepentingan syarah hadith dalam pembangunan tamadun Islam, sejarah berlakunya aktiviti syarah hadith dan perkembangannya serta metod yang digunakan oleh para muhaddisin dalam penulisan mereka.

Artikel ini cuba menelusuri perkembangan aktiviti penulisan syarah hadith Nabi s.a.w dalam bentuk penulisan awal sehingga kepada penulisan buku yang tersusun. Dari sini dapatlah dilihat kesungguhan dan pengorbanan

serta usaha gigih para muhaddisin dalam mensyarahkan hadith Nabi s.a.w dan juga dapat mengetahui dari era ke era yang lain aktiviti pensyarahan hadith Nabi s.a.w samaada melalui pertuturan mahupun penulisan.

Disini juga akan dibawa beberapa contoh buku-buku atau karya penulisan ulama muhaddisin dalam kegiatan pensyarahan hadith. Contoh-contoh yang dibawa adalah nama-nama buku atau karya yang masyhur dan terkenal secara ringkas yang dikira bersesuaian dengan bab yang dibincang sahaja. Seterusnya akan mengenengahkan juga uslub (gaya) serta metod penulisan syarah hadith yang digunakan oleh ulama muhaddisin dalam mensyarahkan hadith di dalam karya penulisan mereka.

Takrif

Sebelum membincangkan tajuk secara mendalam sangat baik rasanya jika diterangkan terlebih dahulu takrif *syarah hadith* dan maksud *tamadun* secara ringkas.

Maksud *syarah* (شرح) adalah jelas, terperinci, faham¹, penjelasan yang dalam dan penerangan yang terperinci², membuka atau menyingkapi benda dan perkara yang tertutup atau tersembunyi sehingga ianya menjadi jelas dan terang. Maka dapatlah difahami bahawa maksud syarah adalah menjelaskan sesuatu perkara atau perkataan dengan penjelasan yang jelas lagi terperinci dan penerangannya dapat memahamkan pembaca atau penerima maklumat syarah.

Hadith adalah satu kata nama yang sudah difahami oleh masyarakat kita. Jika ditinjau dari sudut bahasa, *hadith* membawa maksud: baru, kalam atau perkataan. Manakala dari segi *ishthilah* dan maksud dari sudut pandangan ulama *muhaddithin*: apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, samada dari sudut perkataannya, perbuatannya, pengakuannya, sifat fizikalnya, *syakhsiahnya* atau akhlaknya samaada sebelum atau selepas pengutusannya sebagai Nabi dan Rasul.³

Akhirnya, maksud yang ingin diketengahkan di lembaran ini, maksud disebalik *ishthilah syarah hadith* ialah: satu ilmu yang membahaskan dan menyatakan maksud serta makna lafaz-lafaz hadith Rasulullah s.a.w, diterangkan dari sudut seni ilmu *hadith riwayat* dan *dirayah*, bertepatan dengan kaedah-kaedah dalam ilmu pensyarahan *hadith* dan penjelasannya mengikut kemampuan pensyarah hadith itu sendiri. Penulis menyatakan takrif

¹ Lihat: Ibn Manzhur, Muhammad bin Mukrim, *Lisan al-'Arab*, (Beirut: Dar Shodir, 1414H), ctk3, jld 2, hlm 498.

² Lihat: al-Zabidi, Muhammad bin Mukhammad bin Abdul Razzak, *Taj al-'Urus min Jawahir al-Qamus*, (Dar al-Hidayah, tanpa tarikh), jld 6, hlm 502.

³ Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, *'Ulum al-Hadith Ashliha wa Ma'ashirha*, (Malaysia: Dar al-Syakir, 1432H/2011M), ctk 7, hlm 9.

ini berdasarkan dari dua takrif yang dibawa oleh al-Qinnaui dan juga saudari Haifa.

Kata al-Qinnaui tatkala menyatakan maksud syarah hadith: ia adalah salah satu cabang dari ilmu hadith yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad s.a.w mengikut kaedah pensyarah hadith dengan menggunakan ilmu alat seperti bahasa arab dan seni-seninya, usul syariah islamiyyah mengikut kemampuan pensyarah.⁴ Manakala, kata saudari Haifa dalam tesis masternya, ilmu syarah hadith ialah: satu ilmu untuk menerangkan lafaz-lafaz hadith dan maknanya, dari segi sanad dan matan hadith, berdasarkan kaedah-kaedah ilmu ini, dan mengikut kemampuan masing-masing.⁵

Maksud tamadun: Perkataan tamadun ini berasal dari perkataan Arab iaitu “maddana”, “mudun” atau “madain” yang bermaksud pembukaan bandar atau masyarakat yang sudah maju dari segi fizikal dan rohani. Tamadun juga dapat diertikan kepada keadaan kehidupan masyarakat yang bertambah maju dari zaman ke zaman. Bagaimanapun terdapat pelbagai istilah-istilah yang diertikan sebagai tamadun dalam suatu peradaban manusia. Antara istilah-istilah tamadun ialah umran, hadharah, madaniyyah dan *civilization*.

Ketamadunan dan peradaban merupakan suatu ciri khas yang ada hanya pada manusia. Dari sudut lain, tamadun boleh dianggap sebagai sunnah insaniyyah yang menjelma daripada sifat kreativiti dan inovasi ummat manusia itu sendiri. Selagi mana manusia itu sentiasa mempersiapkan dirinya untuk terus hidup dalam keadaan selesa, baik, dan maju untuk mencukupi segala keperluan hidup, maka selagi itulah proses ketamadunan terus berkembang dari semasa ke semasa. Pengertian tamadun secara umumnya ialah cara hidup atau peradaban manusia yang berinteraksi sesama sendiri bagi memenuhi keperluan hidup mereka dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, tamadun Islam merupakan tamadun yang dihasilkan oleh pemikiran orang Islam dengan berpandukan al-Quran dan al-Hadis. Al-Quran merupakan perundangan Islam yang pertama dan utama manakala al-Hadis pula merupakan perundangan Islam yang kedua.

Tamadun Islam yang berteraskan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. As-Sunnah merupakan sumber kedua yang utama di dalam Islam. As-Sunnah bererti cara atau amalan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Maksud as-Sunnah dari segi Bahasa ialah perjalanan samada perjalanan yang baik atau buruk. Dari segi istilah pula, Sunnah ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. Samada dari segi perkataan, perbuatan atau pengakuan. Sunnah

⁴ Lihat: al-Qinnaui, Muhammad Shodiq Khan bin Hasan, *Abjad al-'Ulum*, (Dar Ibn Hazm, 1423H/2002M), hlm 422-425.

⁵ Lihat: Al-Asyraf, Haifa Abdul Aziz Sultani, *al-Syarh al-Maudhu'ie lil Hadith*, Thesis Master, Fakulti Quran dan Sunnah, hlm 21.

juga kebanyakannya menceritakan sifat-sifat kejadian, akhlak baginda serta sirahnya samada sebelum atau selepas baginda dilantik menjadi Rasul.

Islam merupakan agama yang benar yang hanya diterima oleh Allah kepada seluruh individu muslim. Oleh itu, setiap individu muslim mestilah mentaati perintah agama serta senantiasa mengamalkan sunnah Nabi Muhammad bagi menjamin keharmonian dan ketenangan di dunia mahupun di akhirat kelak. Umumnya, sunnah merupakan penterjemah amali atau perician isi kandungan al-Quran. Ia juga merupakan wahyu Allah kepada Nabi Muhammad supaya melakukan amal ibadat dan segala perintah-Nya sekaligus dapat menjadi contoh dan petunjuk utama kepada umat Islam keseluruhannya.

Matlamat tamadun yang berteraskan Sunnah Islam adalah agama yang suci dan murni. Setiap pengajaran yang diajarkan oleh sunnah Nabi Muhammad adalah yang terbaik untuk setiap umat manusia. Segala yang diajarkan oleh baginda juga mempunyai hikmah yang tersendiri yang pada akhirnya membawa kepada kebaikan. Setiap individu muslim patut menjadikan Nabi Muhammad s.a.w sebagai contoh ikutan atau idola yang terbaik kerana akhlak baginda merupakan akhlak al-Quran yakni akhlak manusia yang paling mulia dan terbaik. Oleh itu, tamadun Islam yang berteraskan kepada Sunnah Rasul-Nya adalah semata-mata untuk mengangkat agama Islam sebagai ad-deen iaitu agama yang menjadi panduan dan tujuan hidup yang lengkap serta mencakupi segala aspek kehidupan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memaparkan keadilan sistem pemerintahan Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dan zaman selepasnya. Antara matlamat yang lain pula ialah untuk menjalinkan hubungan antara manusia dengan pencipta kepada manusia dan alam. Hal ini sekaligus dapat menjadikan kelancaran dalam hidup sehari-hari dengan penuh harmoni serta aman damai jika nilai-nilai Islam diterapkan dengan bersungguh-sungguh dalam diri setiap individu Muslim.

Di samping itu, matlamat yang lainnya adalah untuk mewujudkan hubungan manusia dengan manusia dan alam sejagat. Manusia diciptakan diatas muka bumi adalah untuk menjadi khalifah. Mereka dicipta untuk memperhambakan diri kepada Allah SWT serta mentadbir dan mengimarahkan bumi dengan nilai-nilai moral dan akhlak yang baik supaya setiap perkara dapat diambil manfaat darinya dan merealisasikannya dengan cara yang berhemah.

Disebabkan Sunnah Rasulullah s.a.w menjadi asas penting dalam pembinaan tamadun Islam, maka ulama muhaddisin sejak dari zaman awal Islam sehingga kini berusaha mensyarahkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w supaya dapat difahami dengan tepat untuk menjadi ikutan dan panduan kepada umat Islam sepanjang zaman.

Keputusan Syarah Hadith Dalam Pembinaan Tamadun Islam

Pada hakikatnya terdapat banyak kepentingan disebalik aktiviti penulisan *syarah hadith* dan impaknya kepada umat Islam. Di antaranya dengan wujudnya penulisan-penulisan syarah hadith ini iaitu :

- 1- Umat Islam dapat memahami maksud perkataan yang digunakan di zaman Rasulullah s.a.w seterusnya dapat memahami maksud sebenar yang dikehendaki dari hadith-hadith tersebut dalam perkara yang berkaitan aqidah, syariat dan akhlak.
- 2- Dapat memperlihatkan hubungan di antara teks dan konteks hadith secara meluas dan menyeluruh.
- 3- Dapat membantu menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan masyarakat. Ini disebabkan dalam penulisan *syarah hadith* tersebut akan membincangkan permasalahan yang ada dan wujud lalu menyelesaikannya menurut kaca mata sunnah atau hadith nabawi.
- 4- Dapat menjaga dan melindungi umat Islam dari tenggelam ke dalam fahaman yang salah lagi sesat sehingga membuatkan umat Islam goyah terhadap agama mereka. Perkara ini memerlukan jawapan agar segala kesulitan dan kerumitan yang ditimbulkan dapat dirungkai dan dijelaskan dengan baik sesuai dengan hadith nabawi yang mulia.
- 5- Cabaran dan halangan yang semakin banyak dan kuat menghimpit dan menekan umat Islam menunjukkan keperluannya yang kuat kepada penulisan *syarah hadith* kerana ianya dapat menyelesaikan masalah mengikut sudut pandang al-hadith.
- 6- Melalui penulisan *syarah hadith* pembaca akan dapat mempelajari dan mengetahui sifat dakwah Rasulullah s.a.w. Seperti yang telah diketahui, baginda adalah *qudwah* atau ikutan yang paling sempurna.
- 7- Tidak dilupakan juga hakikat kelebihan disebalik penulisan *syarah hadith* pembaca dapat mengetahui beberapa aspek atau cabang ilmu yang terdapat di dalam ilmu hadith seperti ilmu *asbab wurud hadith*, *nasikh* dan *mansukh*, *mufaradat kalimah*, *gharib al-hadith*, *mukhtalaf al-hadith*, *ilmu rijal* atau *al-Jarh wa al-Ta'dil* dan lain-lain lagi.

Sejarah Perkembangan Syarah Hadith

Kemunculan syarah hadith ini bertepatan dengan kemunculan Rasulullah s.a.w, maka perkataannya, perbuatannya, sifatnya, sahsiah serta akhlaknya diperhati, dipelajari dan dijadikan sumber serta panduan utama dalam kehidupan seorang muslim. Perkara ini yang disebutkan sebagai hadith.

Syarah hadith ini secara umumnya bermula sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dan berkembang secara berperingkat dan meluas sehingga zaman kini dan ianya akan terus berkembang sehinggalah tiba masanya yang ditetapkan oleh Allah SWT akan penamatnya.

Fasa Pertama : Syarah Hadith Pada Kurun Pertama Hijrah (1-100H)

Dalam fasa ini, merangkumi dua zaman iaitu zaman Nabi Muhammad dan zaman para sahabat. Tidak dapat disangkal lagi bahawa pada zaman ini telah bermulanya aktiviti mensyarahkan hadith namun aktiviti atau kegiatan tersebut tidaklah meluas dek kerana beberapa faktor. Antara faktornya adalah : kefahaman para sahabat akan bahasa arab sehingga tidak memerlukan penerangan yang mendalam dan panjang melainkan beberapa perkataan atau kalimah yang digunakan oleh Nabi s.a.w dalam hadithnya dan perkataan itu jarang digunakan dalam pertuturan seharian bangsa arab.

Ini dapat dibuktikan dengan beberapa hadith Nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh para sahabat, dimana para sahabat terkadang bertanya akan maksud kata-kata Baginda seperti hadith mengenai larangan *tathoyyur* (menggunakan burung sebagai penentu nasib):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «لَا طَيْرَةَ، وَخَيْرُهَا الْقَائِلُ» قَالَ: وَمَا الْقَائِلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: «الْكَلِمَةُ الصَّالِحَةُ يَسْمَعُهَا أَحَدُكُمْ»

Daripada Abu Hurairah r.a, katanya: Nabi s.a.w telah bersabda: “Tidak ada petanda buruk disebabkan burung, dan sebaik-baiknya *al-faklu*”. Sahabat bertanya: apakah itu *al-faklu* wahai Rasulullah? Baginda menjawab: “Perkataan yang baik yang kamu dengari”⁶

Antara faktor lainnya adalah kurang atau sedikit pertanyaan dan persoalan daripada para sahabat. Ini kerana mereka memahami perkataan Rasulullah s.a.w dan yang paling utama adalah kerana kebijaksanaan dan kemahiran Baginda dalam menyampaikan maklumat kepada para sahabat sehingga dapat memahamkan mereka dengan mudah kerana Baginda menggunakan metod pengajaran dan pembelajaran yang efektif; antaranya adalah:

- Baginda menggunakan kalimah yang jelas dan tidak tergesa-gesa pertuturannya. Hal ini dapat dikuatkan dengan hadith berikut:

⁶ Al-Bukhari, Kitab *ath-Thibb* (perubatan), Bab *ath-Thiyarah* (menggunakan burung sebagai penentu nasib), hadith nombor 5754; Bab *al-Faklu*, juz 7, hlm 135, hadith nombor 5755; Muslim, Kitab *as-Salam*, Bab *ath-thiyarah wa al-faklu wama yakunu fih min asy-syukmi*, juz 4, hlm 1745, hadith nombor 2223.

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: «مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَسْرُدُ سَرْدَكُمْ هَذَا، وَلَكِنَّهُ كَانَ يَتَكَلَّمُ بِكَلَامٍ يُبَيِّنُهُ، فَصَلِّ، يَحْفَظُهُ مَنْ جَلَسَ إِلَيْهِ»

Daripada Aisyah katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w tidak berbicara dan bertutur dengan laju seperti lajunya percakapan kamu semua ini, akan tetapi Baginda bercakap dengan percakapan yang jelas, tanpa kesilapan, dan mereka yang duduk bersama dengan Baginda mampu untuk menghafal (*kalam*) nya.⁷

- Baginda juga mengulang *kata-katanya* sebanyak tiga kali, seperti yang diriwayatkan dalam hadith:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: «كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يُعِيدُ الْكَلِمَةَ ثَلَاثًا لِيُتَعَمَلَ عَنْهُ»

Daripada Anas bin Malik, katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w itu mengulangi kalimah (kenyataannya) sebanyak tiga kali sehingga ianya dapat difahami.⁸

Terdapat banyak lagi ciri-ciri dan keistimewaan hadith Baginda sehingga membuatkan para sahabat cepat dalam memahami maksud dan konteks kata-kata Baginda seperti Baginda menggunakan bahasa contoh (tamsilan), menggunakan uslub bertanya, menggunakan kosa kata yang baik dan indah serta mudah difahami dan banyak lagi.

Selepas kewafatan Baginda, para sahabat memainkan peranan selaku pewaris Nabi s.a.w. Mereka mengajar generasi di zaman mereka sesuai dengan teknik yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w. Para sahabat meluaskan empayar Islam ke seluruh pelusuk dunia, maka bertambahlah bilangan dan komuniti umat Islam.

Pada waktu ini, umat Islam bukan hanya terdiri dari bangsa Arab sahaja, agama Islam mula disebarluaskan ke pelbagai bangsa. Ini menjadi faktor bermulanya kegiatan pensyarahan hadith Nabawi kepada ummah kerana umat Islam ingin mengetahui dan meneladani Baginda dari segala aspek dan mereka meriwayatkan hadith daripada para sahabat dan para sahabat akan mensyarahkan hadith-hadith tersebut sesuai dengan kefahaman mereka melalui lisan mahupun perbuatan.

⁷ At-Tirmizi, *Kitab al-Manaqib, Bab fi Kalam an-Nabiy sollallahu 'alaihi wa sallam*, juz 5, hlm 600, hadith nombor 3639. Kata at-Tirmizi: hadith ini *hasan sohih*. Kata al-Albani: *hasan*.

⁸ At-Tirmizi, *Kitab al-Manaqib, Bab fi Kalam an-Nabiy sollallahu 'alaihi wa sallam*, juz 5, hlm 600, hadith nombor 3640. Kata at-Tirmizi: hadith ini *hasan sohih ghorib*. Kata al-Albani: *hasan sohih*.

Fasa Kedua : Syarah Hadith Pada Kurun Kedua Dan Ketiga Hijrah (100-300H)

Ini adalah zaman para *tabi'in* dan *atba' at-tabi'in*. Pada zaman ini, bermulalah era pembukuan dan pengumpulan hadith secara formal. Adakah pada zaman Nabi dan para sahabat tidak dilakukan proses pembukuan atau penulisan hadith dan syarahnya? Pada zaman itu, tidak ada satu kegiatan yang khas untuk menulis, mencatat mahupun membukukan hadith-hadith Baginda s.a.w. Pada zaman itu juga tidak berlaku banyak konflik dan kesalahan fahaman dalam memahami teks hadith, berbeza dengan zaman ini.

Selari dengan berkembangnya empayar dan berlaku banyak konflik di kalangan umat, di antara mereka juga bukanlah semuanya berbangsa Arab, sebilangan besar dari mereka yang memeluk Islam selepas penyebaran Islam adalah bukan dari bangsa Arab dan tidak petah dalam berbahasa arab. Mereka ini dikenali sebagai kaum '*ajam*. Disebabkan kelemahan mereka dalam memahami bahasa arab dan keinginan yang besar dalam diri mereka untuk memahami Islam, hadith-hadith Nabi perlu disyarah dengan syarah yang betul sehingga kefahaman sebenar teks hadith itu bertepatan dengan kehendak Nabi s.a.w tidak menyeleweng dari maksudnya yang sebenar.

Pada zaman ini juga berlaku kemunculan golongan-golongan *bid'ah* seperti *khawarij*, *rawafidh* dan golongan penentang takdir (*munkara al-aqdar*)⁹

Faktor-faktor ini telah mendorong para salaf berfikir cara untuk menjaga ketulenan hadith nabawi dari segala anasir buruk yang mungkin dapat merosakkan keindahan dan kesucian hadith Nabi s.a.w. Maka, bermulalah kegiatan pengumpulan hadith, pembukuan secara sistematik dan rasmi serta pensyarahan hadith-hadith Nabi. Pada zaman ini, terserlah usaha dan kesungguhan para *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* serta ulama *salaf* dalam menjaga ketulenan hadith nabawi.

Ada sebahagian ulama yang hanya memfokuskan pengumpulan hadith pada tajuk yang tertentu sahaja seperti kitab "*al-Manasik*" oleh Ibn Abi 'Arubah (m. 156H); dan juga memfokuskan pada pengumpulan hadith mengikut tajuk yang pelbagai dalam satu kitab khas seperti yang dilakukan oleh Imam Malik bin Anas (m. 179H) dalam kitabnya "*al-Muwattho*".

Di antara nama para ulama salaf generasi ulama pertama yang mengumpulkan hadith pada zaman ini adalah: Hisyam bin Hasan (m. 147H), Abu Muhammad Abdul Malik bin Juraij (m. 150H), Muhammad bin Ishak (m. 151H), Ma'mar bin Rasyid (m. 153H), Sa'id bin Abi 'Arubah (m. 156H), Abu 'Amr al-Auza'ie (m. 156H), Muhammad bin Abdul Rahman ibn Abi Za'b (m.

⁹ Lihat: Ibn Hajar al-'Asqolani, Ahmad bin Ali, *Hady al-Sari Muqaddimah Fathul Bari*, (al-Azhar: al-Dar al-'Alamiyyah, 1434H/2013M), Ta'liq: Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz dan Muhammad Nashiruddin al-Albani, hlm 9.

158H), al-Rabi' bin Shobih (m. 160H), Syu'bah bin al-Hajjaj (m. 160H), Sufyan al-Tsauri (m. 161H), Hammad bin Salamah (m. 167H), dan Laits bin Sa'ad (m. 175H); tetapi para ulama *muhaddithin* berbeza pendapat siapakah dari mereka yang paling awal atau terdahulu mengumpulkan hadith.¹⁰ Kata Ibn Hajar: Orang pertama yang mengumpulkan hadith adalah al-Rabi' bin Shobih (m. 160H) dan Sa'id bin Abi 'Arubah (m. 156H).¹¹

Selepas mereka, diikuti pula Malik bin Anas (m. 179H), Abdullah bin al-Mubarak (m. 181H), Yahya bin Zakaria bin Abi Zaidah (m. 183H), Hasyim bin Basyir (m. 188H), Jarir bin Abdul Hamid (m. 188H), Abdullah bin Wahb (m. 197H), Waqi' ibn al-Jarrah (m. 197H), Sufyan bin 'Uyaynah (m. 198H), Abdul Malik bin Abdul Rahman al-Zimari (m. 200H), Abu Daud al-Thoyalisi (m. 204H), Abdul Razzak al-Shon'ani (m. 211H) dan Muhammad bin Yusuf al-Farbabiy (m. 212H).¹²

Selain itu, pada kurun ini juga lahir ulama-ulama hadith yang terkenal yang telah mengarang kitab dan mengumpulkan hadith dalam hasil karya tulisan mereka. Zaman ini juga adalah zaman dua imam besar dalam hadith yang tidak asing lagi namanya pada masyarakat Islam keseluruhannya dimana kitab mereka menjadi rujukan utama dalam hadith. Mereka yang dimaksudkan adalah Imam al-Bukhari, Muhammad bin Ismail al-Bukhari (m. 256H) dan Imam Muslim bin al-Hajjaj (m. 261H).

Inilah juga zaman Abu Daud (m. 275H), at-Tirmizi (m. 279H), Nasaie (m. 303H), Ibnu Majah (m. 273H), al-Darimi (m. 255H) dan ramai lagi. Dari sini, dapat disimpulkan bahawa pada era ini, aktiviti dan kegiatan pengumpulan dan penulisan hadith dalam kitab yang khas dengan menggunakan metod yang tersusun sangat rancak dan meluas. Lihat sahaja bilangan ulama yang menghabiskan masa mereka dalam memberi khidmat dalam ilmu hadith. Tidak salah jika dikatakan bahawa ini adalah zaman keemasan bagi ilmu hadith.

Di zaman ini, kegiatan pensyarahan hadith lebih tertumpu pada mensyarahkan kitab *al-Muwattho'* Imam Malik, seperti yang telah dilakukan oleh Abdullah bin Nafi' (m. 186H), Abdullah bin Wahb (m. 197H), 'Isa bin Dinar (m. 232H), Abdul Malik bin Habib al-Maliki (m. 239H) dan ramai lagi ulama yang memfokuskan pada pensyarahan kitab *al-Muwattho'* Imam Malik.¹³

¹⁰ Muhammad bin Sodiq Bankiran, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah fi al-Qarnain al-Tsani wa al-Tsalits lil Hijrah*, (Madinah: Majma' al-Malik Fahd, tanpa tarikh), hlm 17.

¹¹ Lihat: Ibn Hajar al-'Asqolani, Ahmad bin Ali, *Hady al-Sari Muqaddimah Fathul Bari*, hlm 9.

¹² Muhammad bin Sodiq Bankiran, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah fi al-Qarnain al-Tsani wa al-Tsalits lil Hijrah*, hlm 17.

¹³ Al-Asyrafi, Haifa Abdul Aziz Sultani, *al-Syarh al-Maudhu'ie lil Hadith*, Thesis Master, Jabatan Quran dan Sunnah, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007M, hlm 33.

Fasa Ketiga : Syarah Hadith Dari Kurun Keempat Hingga Kurun Keenam Hijrah (301-600H)

Jika pada kurun sebelum ini, aktiviti pensyarahan hadith lebih tertumpu pada mensyarahkan kitab *al-Muwattho'* Imam Malik, tapi pada kurun ini kegiatan pensyarahan hadith lebih meluas dan lebih rancak. Pengumpulan hadith masih berjalan selari dengan berjalannya aktiviti pensyarahan hadith nabawi, khususnya dalam mensyarahkan kitab *al-Muwattho'* Imam Malik, Kitab *al-Sohihain* (*Sohih al-Bukhari* dan *Sohih Muslim*) dan *al-Sunan*.

Dari sudut pengumpulan hadith, aktiviti ini masih diteruskan oleh ulama muhaddisin demi menjaga sunnah Rasulullah s.a.w seperti Muhammad bin Ishak bin Khuzaimah (m. 311H), Sa'id ibn 'Uthman bin Sa'id bin al-Sakn (m. 353H), Muhammad bin Hibban al-Busti (m. 354H), Muhammad bin Abdullah al-Hakim al-Naisaburi (m. 405H); mereka ini lebih memfokuskan penulisan kitab mereka dalam konteks mengumpulkan hadith yang *sohih* sahaja seperti apa yang telah dilaksanakan oleh *Imamain* al-Bukhari dan Muslim.

Manakala yang mengumpulkan hadith tanpa memfokuskan pada hadith *sohih* sahaja (mencampurkan hadith-hadith yang *sohih* bersama dengan hadith yang *hasan* dan *dhoif*) seperti: Abi Ya'la al-Mushili (m. 303H), Muhammad bin Jarir al-Thobari (m. 310H), Ahmad bin Muhammad al-Thohawi (m. 321H), Sulaiman bin Ahmad al-Thobrani (m. 360H), Muhammad bin al-Husain al-Ajurri (m. 360H), Ibn al-Sunni (m. 364H), 'Ali bin 'Umar bin Ahmad al-Daraquthni (m. 385H), 'Umar bin Ahmad bin Syahin (m. 385H) dan ramai lagi.¹⁴

Diantara nama-nama kitab syarah hadith yang masyhur dalam bab pensyarahan hadith di zaman ini yang mensyarahkan kitab *Muwattho'* Imam Malik¹⁵ ialah: *al-Tamhid lima fi al-Muwattho' min al-Ma'ani wa al-Asanid*, dikarang oleh Yusuf bin Abdullah bin Muhammad bin Abdul Barr –masyhur dengan Ibn Abdul Barr- (m. 463H); *al-Muntaqa Syarh al-Muwattho'* atau nama lainnya *al-Istifa fi Syarh al-Muwattho'*, karangan Sulaiman bin Khalaf bin Sa'ad al-Baji al-Andalusi (m. 474H).

¹⁴ Lihat: Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, *'Ulum al-Hadith Ashiliha wa Ma'ashiriha*, hlm 64; dan Muhammad bin Sodiq Bankiran, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyah fi al-Qarnain al-Tsani wa al-Tsalits lil Hijrah*, hlm 42-43.

¹⁵ Penulis mendahulukan kitab *al-Muwattho'* Imam Malik kerana seperti yang termaktub pada helaian yang sebelumnya, ulama-ulama lebih cenderung atau fokus dalam mensyarahkan kitab ini berbanding kitab yang lain pada zaman tersebut, maka penulis mendahulukan kitab ini berbanding kitab yang lain.

Manakala kitab syarah Sohih al-Bukhari: kitab *I'lam al-Sunan* oleh Hamd bin Muhammad al-Khattabi (m.388).¹⁶ Bagi syarah kitab Sohih Muslim pula: *al-Mufhim fi Syarh Muslim*, oleh Abdul Ghafir bin Ismail al-Farisi (m. 529H); *al-Mu'allim fi Syarh Muslim*, oleh Muhammad bin 'Ali bin 'Umar al-Marizi al-Maliki (m. 536H) dan kitab *Ikmal al-Mu'allim bi Fawaid Syarh Sohih Muslim*, dikarang oleh al-Qadhi 'Iyyadh bin Musa al-Yahshibi (m. 544H).¹⁷

Seterusnya, kitab syarah Sunan Abu Daud pula: *Ma'alim al-Sunan Syarh Sunan Abi Daud*, oleh al-Khattabi (m. 388H).¹⁸ Manakala kitab syarah bagi Sunan al-Tirmizi: *'Aridhoh al-Ahwazi li Syarh al-Tirmizi*, dikarang oleh Ibn al-'Arabi al-Maliki (m. 543H).¹⁹

Fasa Keempat : Syarah Hadith Dari Kurun Ketujuh Hingga Kurun Kesembilan Hijrah (601-900H)

Di zaman keemasan ilmu syarah hadith, perkembangan aktiviti mensyarahkan hadith Nabi semakin banyak dan rancak. Ini dapat dibuktikan bilangan karangan buku dan penulisan kitab syarah hadith semakin bertambah dan banyak. Pada zaman ini juga bermulanya aktiviti syarah pada kitab syarah hadith (شرح شروح الحديث).

Muncul juga ulama-ulama yang masyhur dan terkemuka dimana nama-nama mereka masih disebut dan buku-buku karangan mereka digunapakai sebagai rujukan utama dalam bidang-bidang yang berkaitan samaada hadith, fiqh, aqidah dan lain-lain seperti Ibn al-Atsir (m. 606H), al-Hafiz al-Munziri (m. 656H), al-'Izz bin Abdus Salam (m. 660H), Imam Nawawi (m. 676H), Ibnu Taimiyyah (m. 728H), Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (m. 751H), al-Zahabi (m. 748H), Ibnu Katsir (m. 774H), Ibnu Rajab al-Hanbali (m. 790H) Ibnu Hajar al-'Asqolani (m. 852H), Mahmud bin Ahmad al-'Aini (m. 855H) dan ramai lagi.

Pada waktu ini juga, telah muncul kitab ringkasan syarah seperti yang telah dilakukan oleh Muhammad bin Yusuf al-Qawnawi al-Hanafi (m. 788H) yang telah meringkaskan kitab syarah Sohih Muslim yang dikarang oleh Imam Nawawi; kitab yang dikarang oleh Muhammad bin Yusuf bertajuk "*Mukhtasar al-Syarh*".²⁰

¹⁶ al-Zahrani, Muhammad bin Mathor bin 'Uthman, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah Nasyatuha wa Tathowwuruha min al-Qarn al-Awwal ila Nihayah al-Qarn al-Tasi' al-Hijri*, (Riyadh: Dar al-Hijrah, 1417H/1996M), hlm 122.

¹⁷ *Ibid*, hlm 131.

¹⁸ Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, *'Ulum al-Hadith Ashiliha wa Ma'ashiraha*, hlm 73.

¹⁹ *Ibid*, hlm 75.

²⁰ Lihat: Haji Khalifah, Mustafa bin Abdullah, *Kasyf al-Zhunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*, (Baghdad: Maktabah al-Muthanna, 1941M), jld 1, hlm 555.

Antara kitab-kitab yang dikarang dan masyhur pada zaman ini ialah: *al-Mafatih fi Hilli al-Mashobih*²¹, oleh al-Husain bin Mahmud bin al-Hasan al-Zaidani (m. 727H); *al-Kasyif ‘an Haqaiq al-Sunan*, oleh Hasan bin Muhammad al-Thibbi (m. 743H); *Taisir al-Maram fi Syarh ‘Umdatul Ahkam*, karangan Muhammad bin Ahmad bin Marzuq al-Talmisani al-Maliki (m. 781H); *Mabani al-Akhbar fi Syarh Ma’ani al-Atsar*, oleh Mahmud bin Ahmad al-‘Aini (m. 855H).²²

Bagi syarah kitab Sohih al-Bukhari, pada waktu ini terdapat beberapa karangan yang masyhur seperti: *Fath al-Bari Syarh Sohih al-Bukhari*, oleh Ibnu Hajar al-‘Asqolani (m. 852H); *‘Umdatul Qari Syarh Sohih al-Bukhari*, oleh Badr al-Din Mahmud bin Ahmad al-‘Aini (m. 855H) dan *al-Kaukab al-Darari fi Syarh Sohih al-Bukhari*, karangan Muhammad bin Yusuf al-Karmani (m. 786H).²³

Bagi syarah kitab Sohih Muslim pula, antara yang terkenal adalah: *Syarh Sohih Muslim*, oleh Abi ‘Amr bin ‘Uthman bin al-Solah (m. 643H); *al-Mufhim lima Usykila min Talkhis Kitab Muslim*, oleh Ahmad bin ‘Umar bin Ibrahim al-Qurthubi (m. 656H)²⁴; *al-Minhaj fi Syarh Muslim bin al-Hajjaj*, oleh Yahya bin Syarf al-Nawawi –masyhur dengan nama Imam al-Nawawi– (m. 676H) dan *Ikmal al-Ikmal*, oleh Abi Rauh ‘Isa bin Mas’ud al-Zawawi al-Maliki (m. 744H).²⁵

Seterusnya, kitab *Syarh Sunan Ibn Majah*, oleh al-Hafiz ‘Ala al-Din Mughlathoy (m. 762H); *Ma Tamussu ilaihi al-Hajah ‘ala Sunan Ibn Majah*, oleh Ibn al-Mulqin, Sirajuddin ‘Umar bin ‘Ali al-Syafi’e (m. 804H); *al-Dibajah fi Syarh Sunan Ibn Majah*, oleh Kamaluddin Muhammad bin Musa al-Dimiri (m. 808H)²⁶ dan banyak lagi kitab-kitab syarah yang terdapat pada zaman ini.

Fasa Kelima : Syarah Hadith Dari Kurun Kesepuluh Hingga Kurun Ketiga belas Hijrah (901-1300H)

²¹ Syarah bagi kitab *Mashobih al-Sunnah*.

²² Lihat: Al-Asyrafi, Haifa Abdul Aziz Sultani, *al-Syarh al-Maudhu’ie lil Hadith*, Thesis Master, Fakulti Quran dan Sunnah, hlm 38.

²³ Lihat: al-Zahrani, Muhammad bin Mathor bin ‘Uthman, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyah Nasyatuhu wa Tathowwuruhi min al-Qarn al-Awwal ila Nihayah al-Qarn al-Tasi’ al-Hijri*, hlm 122.

²⁴ Lihat: Haji Khalifah, Mustafa bin Abdullah, *Kasyf al-Zhunun ‘an Asami al-Kutub wa al-Funun*, jld 1, hlm 555.

²⁵ Lihat: al-Zahrani, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyah Nasyatuhu wa Tathowwuruhi min al-Qarn al-Awwal ila Nihayah al-Qarn al-Tasi’ al-Hijri*, hlm 131.

²⁶ Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, *‘Ulum al-Hadith Ashiliha wa Ma’ashiriha*, hlm 79.

Pada zaman ini dinamakan oleh para ulama sebagai zaman *jumud* dan *taqlid*, kerana tidak banyak terdapat kegiatan-kegiatan berbentuk ilmiah²⁷, tetapi ini bukanlah bermakna tidak terdapat dalam fasa ini apa-apa karya yang berkaitan dengan syarah hadith nabawi. cuma bilangannya amat sedikit jika dibandingkan dengan fasa-fasa yang terdahulu.

Antara faktornya adalah kerana ingin menjaga hasil karya tulisan ulama silam daripada hilang dan diubah isi kandungannya. Selain itu juga, ulama pada zaman ini mengarang kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu syariat Islam dan ilmu dalam bidang hadith, dengan menghuraikan kitab-kitab terdahulu menggunakan gaya bahasa yang lebih mudah dan santai. Mereka juga meringkaskan hasil karya ulama terdahulu dan membuang sanad-sanad yang panjang yang terdapat dalam karya silam²⁸, ini kerana ulama terdahulu amat mementingkan sanad dan mereka memasukkan sanad mereka di dalam penulisan mereka dan ia menjadikan buku karangan mereka panjang dan tebal.

Pada zaman ini juga, telah bermulanya pensyarahan hadith dalam bahasa asing (selain dari Bahasa Arab) seperti Bahasa Parsi seperti kitab *Taisir al-Qari fi Syarh Sohih al-Bukhari*, karangan Nur al-Haqq Abdul Haqq al-Bukhari (m. 1073H); dan juga pensyarahan hadith bagi hadith pilihan dari kitab-kitab tertentu dan mengeluarkan rahsia-rahsia yang tersembunyi dari hadith tersebut serta mengeluarkan hukum dan hikmah disebalik hadith tersebut seperti kitab *Zabdah al-Faraidh wa Nazm al-Lali fi Syarh Tsulatsiyyat al-Bukhari*, yang dikarang oleh Syeikh Abdul Basith al-Qinnaui (m. 1223H).²⁹

Antara kitab syarah yang masyhur pada zaman ini adalah: *Syarh Tarajim Abwab Sohih al-Bukhari*, oleh Syah Waliyullah al-Dahlawi (m.1176H);³⁰ *Zahr al-Rubba 'ala al-Mujtaba*, oleh Jalaluddin Abdul Rahman bin Abi Bakr al-Suyuthy (m. 911H); *Syarh al-Sindi*, oleh Muhammad Sodiq bin Abdul Hadi al-Madani (m. 1138H);³¹ *Misbah al-Zujajah 'ala Sunan Ibn Majah*, oleh al-Suyuthy (m. 911H); *Kifayah al-Hajah fi Syarh Ibn Majah*, oleh al-Sindi Muhammad Sodiq bin Abdul Hadi al-Madani (m. 1138H); *Inhaj al-Hajah*, oleh Syeikh Abdul Ghani bin Abi Sa'id al-'Umari (m. 1296H).³²

Seterusnya kitab *Tanwir al-Hawalik 'ala Muwattho' Malik*, oleh al-Suyuthy (m. 911H); *Syarh al-Zarqani 'ala Muwattho' Malik*, oleh al-Zarqani Muhammad bin Abdul Baqi (m. 1122H); *al-Musawwa*, oleh Syah Waliyullah

²⁷ Lihat: Al-Asyraf, Haifa Abdul Aziz Sultani, *al-Syarh al-Maudhu'ie lil Hadith*, Thesis Master, Fakulti Quran dan Sunnah, hlm 39.

²⁸ *Ibid*.

²⁹ *Ibid*, hlm 40.

³⁰ Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, *'Ulum al-Hadith Ashiliha wa Ma'ashiriha*, hlm 69.

³¹ *Ibid*, hlm 77.

³² *Ibid*, hlm 79.

al-Dahlawi (m.1176H);³³ *Fawt al-Mughtazi 'ala Jami' al-Tirmizi* dikarang oleh al-Suyuthy (m. 911H).³⁴

Fasa Keenam : Syarah Hadith Dari Kurun Keempat Belas Hingga Sekarang (1301H-sekarang)

Fasa kelima lebih dikenali sebagai fasa *kejumudan* dan *ketaqlidan*; berbeza dengan fasa ini. Permulaan fasa ini boleh disebut sebagai fasa kesedaran di mana umat Islam dan para ulama mulai sedar akan kepentingan pengajian, penulisan, kajian dan pelbagai bentuk pembelajaran. Kesedaran sudah bermula pada awal fasa ini dan ini membuahkan hasil yang terbaik.

Ulama mulai memainkan peranan dalam menyampaikan ilmu Islam yang luas kepada masyarakat dan memberi tumpuan yang khusus dan mendalam dalam menyebarkan keindahan Islam. Pada zaman ini jugalah mulai berkembang pesat satu bidang yang dikenali sebagai bidang elektronik. Segala macam perkara mudah untuk diakses. Percetakan menjadi lebih mudah, penulisan, perfileman dan pelbagai lagi aspek yang telah memudahkan umat dalam memberi khidmat pada Islam dan ilmunya, ilmu syarah hadith khususnya.

Ini telah memudahkan banyak pihak dalam menjayakan penyebaran ilmu syarah hadith dan juga penulisan syarah hadith.. Walaupun zaman ini dikira sebagai zaman moden dan terkini, tidaklah ia menjadi sebab untuk tidak mensyarahkan hadith alasan bahawa hadith-hadith telah pun disyarah oleh ulama silam. pensyarahan hadith terkini sangat diperlukan sejajar dengan perkembangan terkini dan terkehadapan.

Pada zaman ini, syarah hadith diperluaskan dari pelbagai sudut. Antaranya aktiviti *mentahqiq*, *menta'liq* kitab silam diperbanyakkan, pensyarahan hadith dijadikan sandaran utama dalam menyelesaikan masalah masyarakat serta kaitannya dengan ilmu-ilmu yang lain muncul pada zaman ini, terdapat kemudahan mengakses hadith menggunakan kecanggihan elektronik, ensiklopedia hadith, maktabah elektronik dan bermacam lagi.

Antara kitab yang masyhur di awal fasa ini ialah: '*Aun al-Ma'bud Syarah Sunan Abi Daud*, oleh 'Azhim Abadi (m. 1329H); *Bazl al-Majhud fi Halli Abi Daud*, oleh Syeikh Khalil Ahmad al-Saharanfuri (m. 1346H);³⁵ *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmizi*, oleh Muhammad Abdul Rahman al-

³³ *Ibid*, hlm 82.

³⁴ Lihat: Haji Khalifah, Mustafa bin Abdullah, *Kasyf al-Zhunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*, jld 1, hlm 541.

³⁵ Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, '*Ulum al-Hadith Ashiliha wa Ma'ashiriha*, hlm 73.

Mubarakfuri (m. 1353H);³⁶ *Awjaz al-Masalik ila Muwattho' Malik*, oleh Syeikh Muhammad Zakaria al-Kandahlawi (m. 1402H).³⁷

Jika kitab-kitab yang penulis nyatakan lebih memfokuskan pada syarah kitab hadith yang sembilan (*kutub al-tis'ah*), maka sekarang penulis akan nyatakan senarai kitab-kitab syarah hadith yang dikarang oleh ulama pada zaman ini tanpa hanya mengkhususkan kitab hadith yang sembilan. Antara kitab yang masyhur yang dikarang pada fasa ini adalah seperti kitab: *al-'Urf al-Syazzi Syarh Sunan al-Tirmizi*, oleh Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri (m. 1353H); *Mura'at al-Mafatih Syarh Misykat al-Mashobih*, oleh 'Ubaidullah bin Muhammad Abdul Salam (m. 1414H); *Syarh Riyadh al-Solihin*, oleh Muhammad bin Soleh al-'Utsaimin (m. 1421H); *Taisir al-'Allam Syarh 'Umdatul Ahkam*, oleh Abdullah bin Abdul Rahman al-Bassam (m. 1423H).

Seterusnya kitab : *Majalis al-Tazkir min Hadith al-Basyir al-Nazir*, oleh Abdul Hamid Muhammad bin Badis al-Shonhaji (m. 1359H); *'Izhot wa 'Ibar min Ahadith Sayyid al-Basyar*, oleh Jabir bin Musa Abu Bakar al-Jazairi; *Syarh Kitab al-Tauhid min Sohih al-Bukhari*, oleh Abdullah bin Muhammad al-Ghaniman dan banyak lagi kitab-kitab yang ditulis. Pada hakikatnya, pada zaman ini pensyarahan kitab hadith yang sembilan (*kutub al-tis'ah*) tetap dan masih dilaksanakan dan disyarahkan walaupun ulama silam telah mensyarahkannya³⁸; seperti yang telah dilakukan oleh Syeikh Abdul Karim bin Abdullah al-Khudhoir yang telah mensyarahkan kitab *al-Muwattho' Imam Malik, Sohih al-Bukhari*, beberapa bab dari *Sohih Muslim* (seperti kitab *al-Hajj*), *Arba'in Nawawiyyah* dan lain-lain.

Begitu juga yang telah dilakukan oleh Syeikh Abdul Aziz bin Abdullah al-Rajih yang menggunakan medium teknologi semasa (rakaman suara dan di *upload* di web seperti *islamweb.net*). Beliau telah mensyarahkan beberapa kitab seperti kitab *Sunan Ibn Majah, Sohih Ibn Hibban, Sunan Abi Daud, Sunan al-Nasaie* dan *Sohih Ibn Khuzaimah*. aktiviti dan kegiatan pensyarahan hadith nabawi akan terus berjalan dan maju dalam usaha memberi sumbangan kepada pembangunan tamadun Islam.

Jenis-Jenis Syarah Hadith

Dalam bab ini di bahagikan kepada dua bab kecil. Pertama: syarah hadith dari segi gaya bahasa (*uslub*); ini kerana dalam pensyarahan hadith, ulama berbeza dalam menggunakan gaya bahasa serta corak pensyarahan hadith. Manakala yang kedua: syarah hadith dari segi metod (*manhaj*)

³⁶ *Ibid*, hlm 75.

³⁷ *Ibid*, hlm 82.

³⁸ Syarahan berbentuk *durus* (pengajian dan pembelajaran) di masjid atau radio atau televisyen atau melalui web peribadi syeikh.

penulisan syarah hadith. Ulama juga berbeza dalam hal ini, masing-masing mempunyai metod yang tersendiri dalam mensyarahkan hadith Nabi s.a.w.

Jenis-Jenis Syarah : Dari Segi Gaya Bahasa (*uslub*)

Di dalam pensyarahan hadith, terdapat beberapa *uslub* yang digunakan tatkala mensyarahkan hadith. Ulama saling berbeza di antara satu sama lain dalam menggunakan *uslub* ini. Secara umumnya, di dalam bidang pensyarahan hadith, di sana terdapat tiga jenis *uslub* yang digunakan³⁹. *Uslub* yang dimaksudkan di sini adalah gaya bahasa yang digunakan oleh pensyarah hadith bagi menunjukkan atau mengisyaratkan bahawa syarahan itu datangnya daripada penulis atau pensyarah ataupun untuk mengisyaratkan bahawa selepas *uslub* itu membawa erti syarah hadith. *Uslub* pertama, dengan menggunakan kalimah “*aqulu*” (أقول) atau “*qauluhu*” (قوله). Kedua, dengan meletakkan tajuk. Ketiga, dengan menggunakan *uslub* yang pelbagai atau beraneka bentuk perbezaan.

Uslub Pertama : Menggunakan Kalimah “*aqulu*” (أقول) atau “*qauluhu*” (قوله)

Antara kitab syarah hadith yang menggunakan *uslub* “*aqulu*” (أقول): *Syarah al-Maqasid*, *Syarah al-Thowali*, kedua-duanya dikarang oleh al-Ashfahani. *Uslub* ini tidak terkenal dan tidak banyak digunakan oleh pensyarah hadith, berbeza dengan penggunaan *uslub* “*qauluhu/qaulihi*” (قوله). Antara contoh kitab syarah hadith yang menggunakan *uslub* ini: *Fathul Bari bi Syarah Sohih al-Bukhari*, karangan al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqolani; *al-Kawakib al-Darari fi Syarah Sohih al-Bukhari*, karangan Muhammad bin Yusuf al-Karmani, dan *al-Minhaj Syarah Sohih Muslim bin al-Hajjaj*, oleh Yahya bin Syarf al-Nawawi.

Ulama yang menggunakan *uslub* ini tidak memberi penekanan yang mendalam dan kuat pada menyatakan atau menulis teks atau *nash* hadith secara sempurna. Terkadang pensyarah hadith akan menulis teks atau *nash* hadith secara sempurna atau keseluruhan teks hadith pada nota kaki, atau di bahagian paling atas di helaian kertas, atau sebelum mensyarahkan hadith. Ini dapat

³⁹ Haji Khalifah dalam kitabnya *Kasyf al-Zhunun ‘an Asami al-Kutub wa al-Funun*, ada menyebut tentang *uslub* yang digunakan. Ada sedikit perbezaan diantara pembahagian yang penulis nyatakan dengan pembahagian yang dibuat oleh Haji Khalifah; boleh rujuk kitabnya, jld 1, hlm 38.

memudahkan para pembaca kitab mereka untuk melakukan rujukan pada teks asal hadith.

Contoh bagi syarah yang menggunakan uslub “*qauluhu/qaulihi*” (قوله) : Contoh dari kitab *Fathul Bari bi Syarh Sohih al-Bukhari*, karangan al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqolani. Hadith yang ke 72 dari *Sohih al-Bukhari*⁴⁰ yang mana hadithnya:

حدثنا علي بن عبد الله، حدثنا سفيان، قال: قال لي ابن أبي نجيح، عن مجاهد، قال: صحبت ابن عمر إلى المدينة فلم أسمعته يحدث عن رسول الله صلى الله عليه وسلم إلا حديثاً واحداً، قال: كنا عند النبي صلى الله عليه وسلم فأُتِيَ بِجُمَارٍ، فَقَالَ: «إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجْرَةً، مِثْلُهَا كَمِثْلِ الْمُسْلِمِ»، فَأَرَدْتُ أَنْ أَقُولَ: هِيَ النَّخْلَةُ، فَإِذَا أَنَا أَصْغُرُ الْقَوْمَ، فَسَكَتَ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «هِيَ النَّخْلَةُ».

قوله: (باب الفهم) أي: فضل الفهم (في العلم) أي في العلوم.

قوله: (حدثنا علي) في رواية أبي زر: (ابن عبد الله) وهو المعروف بابن المديني.

قوله: (حدثنا سفيان قال: قال لي بن أبي نجيح) في مسند الحميدي عن سفيان: حدثني بن أبي نجيح.

قوله: (صحبت بن عمر إلى المدينة) فيه ما كان بعض الصحابة عليه من توقي الحديث عن النبي صلى الله عليه وسلم إلا عند الحاجة خشية الزيادة والنقصان، وهذه كانت طريقة بن عمر ووالده عمر وجماعة، وإنما كثرت أحاديث بن عمر مع ذلك لكثرة من كان يسأله ويستفتيه، وقد تقدم الكلام على متن حديث الباب في أوائل كتاب العلم.

ومناسبتة للترجمة أن بن عمر لما ذكر النبي صلى الله عليه وسلم المسألة عند إحضار الجمار إليه فهم أن المسؤول عنه النخلة، فالفهم فطنة يفهم بها صاحبها من الكلام ما يقترن به من قول أو فعل، وقد أخرج أحمد في حديث أبي سعيد الآتي في الوفاة النبوية حيث قال النبي صلى الله عليه وسلم: (إن عبدا خيره الله) فبكى أبو

⁴⁰ Nash atau teks hadith yang dipetik dari kitab *Sohih al-Bukhari, kitab al-‘Ilm, bab al-Fahm fi al-‘Ilm*, hadith nombor 72:

قَالَ: صَحَبْتُ ابْنَ عُمَرَ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلَمْ أَسْمَعْهُ يُحَدِّثُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا حَدِيثًا وَاحِدًا، قَالَ: كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأُتِيَ بِجُمَارٍ، فَقَالَ: «إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجْرَةً، مِثْلُهَا كَمِثْلِ الْمُسْلِمِ»، فَأَرَدْتُ أَنْ أَقُولَ: هِيَ النَّخْلَةُ، فَإِذَا أَنَا أَصْغُرُ الْقَوْمَ، فَسَكَتَ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «هِيَ النَّخْلَةُ».

بكر وقال: فدينك بآبائنا، فتعجب الناس. وكان أبو بكر فهم من المقام أن النبي صلى الله عليه وسلم هو المخير، فمن ثم قال أبو سعيد: فكان أبو بكر أعلمنا به. والله الهادي إلى الصواب.⁴¹

Uslub Kedua : Meletakkan Tajuk

Dalam hal ini, ulama yang menggunakan uslub ini akan membezakan dan mengasingkan antara sanad, matan, syarah hadith, pengajaran dan bermacam lagi tajuk-tajuk kecil yang dirasakan sesuai tatkala pensyarahan hadith dilakukan. Ulama-ulama ini akan menerangkan setiap perkara di bawah tajuk yang diletakkan dengan penerangan yang padat bersesuaian dengan tajuk yang diberi.

Contoh yang dapat diajukan dalam hal ini, dipetik dari kitab hasil karangan Badr al-Din al-‘Aini yang berjudul *Umdatul Qari Syarh Sohih al-Bukhari*, menggunakan hadith yang sama seperti contoh dari kitab *Fath al-Bari*:

(بيان رجاله): وهم خمسة: الأول: علي بن عبد الله بن جعفر بن نجیح، بفتح النون وكسر الجيم وبالحاء المهملة، السعدي، مولاهم أبو الحسن المديني الإمام المبرز في هذا الشأن. وقال البخاري: ما استصغرت نفسي عند أحد قط إلا عند ابن المديني. وقال: علي خير من عشرة آلاف مثل الشاذكوي. وقال عبد الرحمن: علي أعلم الناس بحديث رسول الله، صلى الله تعالى عليه وآله وسلم، خاصة. وقال السمعاني وغيره: كان أعلم أهل زمانه بحديث رسول الله، صلى الله تعالى عليه وسلم، وعنه قال: تركت من حديثي مائة ألف حديث، منها ثلاثون ألفا لعباد بن صهيب. وقال الأعمش: رأيت علي بن المديني مستلقيا، وأحمد بن حنبل عن يمينه، ويحيى بن معين عن يساره، وهو يملي عليهما. روى عنه أحمد وإسماعيل القاضي والذهلي وأبو حاتم والبخاري وغيرهم، وروى أبو داود والترمذي عن رجل عنه، ولم يخرج له مسلم شيئا، أخرج البخاري عنه عن ابن عيينة وابن علية وعن القطان ومروان بن معاوية وغيرهم، ولد سنة إحدى وستين ومائة بسامرا، وقال البخاري: مات بالعسكر للبلتين بقيتا من ذي القعدة سنة أربع وثلاثين ومائتين.⁴²

⁴¹ Ibn Hajar al-‘Asqolani, *Fathul Bari bi Syarh Sohih al-Bukhari*, (al-Azhar: al-Dar al-‘Alamiyyah, 1434H/2013M), Ta’liq: Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz dan Muhammad Nashiruddin al-Albani, jld 1, hlm 252.

⁴² Penulis sengaja memotong keterangan dan syarahan Imam al-‘Aini kerana panjangnya dan mendalamnya penerangan beliau. Begitulah keadaannya dan manhajnya Imam al-‘Aini dalam memberi penjelasan. Dengan hanya mendatangkan contoh ini, penulis berharap agar pembaca dapat bayangkan bagaimana jenis syarah yang menggunakan tajuk sebagai tanda atau isyarat sebelum memulakan pensyarahan hadith dari segi *sanad* dan *matan*, *riwayah* dan *dirayah*.

(بيان الأنساب): السعدي: في قبائل، ففي قيس غيلان: سعد بن بكر بن هوازن بن منصور بن عكرمة، بن حفصة بن قيس غيلان. وفي كنانة: سعد بن ليث بن بكر بن عبد مناف، وفي أسد بن خزيمه: سعد بن ثعلبة بن دودان بن أسد، وفي مراد: سعد بن غطيف ابن عبد الله بن ناجية بن مراد، وفي طيء: سعد بن نبهان بن عمرو بن الغوث بن طي، وفي تميم: سعد بن زيد مناة بن تميم، وفي خولان قضاعة: سعد بن خولان، وفي جذام: سعد بن إياس بن حرام بن حزام، وفي خثعم: سعد بن مالك.

(بيان لطائف إسناده): منها أن فيه التحديث والعنونة والسماع. ومنها: أن رواه ما بين بصري ومكي وكوفي. ومنها: أن فيه سفیان، قال: قال لي ابن نجیح، ولم يقل: حدثني، وفي (مسند الحميدي) عن سفیان: حدثني ابن أبي نجیح.⁴³ ..

Uslub Kedua : Pelbagai Atau Beraneka Bentuk

Dalam bab ini, pensyarah hadith menggunakan cara yang pelbagai dan berbeza. Ada yang menggunakan simbol sebagai tanda perbezaan antara teks asal hadith dan syarah seperti mim (م) yang bermaksud *matan* hadith dan syin (ش) yang bermaksud syarah, ada yang menggunakan warna sebagai pembeza seperti warna merah yang membawa maksud teks hadith dan warna hitam sebagai syarah, ada yang membezakan teks hadith dan syarah dengan membezakan saiz tulisan dan bermacam lagi cara. Tujuannya adalah sebagai tanda perbezaan antara teks asal hadith dan syarah kerana jika tidak diletakkan tanda yang dapat membezakannya, dikhuatiri pembaca akan salah faham dan dapat mengelirukan mereka tatkala membaca kitab syarah. Keliru adakah teks itu hadith Nabi atau syarah ulama.

Antara kitab yang menggunakan uslub seperti ini ialah kitab: *al-Fath al-Mubin bi Syarh al-Arba'in*, oleh Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar al-Haitami (m. 974H). Ibn Hajar al-Haitami menggunakan uslub atau cara: meletakkan kurungan () sebagai pembeza⁴⁴. Contohnya ketika beliau mensyarahkan hadith yang ke 12 dari 40 hadith:

الحديث الثاني عشر [ترك ما لا يعني والاشتغال بما يفيد]

⁴³ Lihat: Al-'Aini, Badr al-Din Mahmud bin Ahmad, *Umdatul Qari Syarh Sohih al-Bukhari*, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, tanpa tarikh), jld 2, hlm 53.

⁴⁴ Jika diperhatikan pada kitab ini, dapat difahami bahawa perkataan atau ayat yang berada di dalam kurungan membawa erti teks asal hadith dan ayat diluar kurungan adalah syarah beliau.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ" حَدِيثٌ حَسَنٌ، رَوَاهُ الرَّزْمِيُّ وَعَبْرَهُ هَكَذَا.

(عن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: من حسن) وجه الإتيان به أن ترك ما لا يعني ليس هو الإسلام، ولا جزأه، بل صفة وحسنه، وصفة الشيء ليست ذاته ولا جزأه؛ لأنه: الانقياد لعة، والأركان الخمسة شرعاً، فهو كالجسم، وترك ما لا يعني كالشكل واللون له، كذا قيل، وفيه ما فيه؛ لأن الإسلام ليس شرعاً: الأركان الخمسة فقط، بل جميع الأعمال الظاهرة الشاملة للترك والفعل، فكان الترك جزءاً منه.

فالوجه أن يقال: فائدة الإتيان به الإشارة إلى أنه لا عبرة بصور الأعمال فعلاً وتركاً إلا إذا اتصفت بالحسن؛ بأن وجدت شروط مكملاًتها فضلاً عن مصححاتها، وجعل ترك ما لا يعني من الحسن مبالغة، مع الإشارة لما قرنته.

(إسلام المرء) أثره على الإيمان؛ لأنه كما مر: الأعمال الظاهرة، والفعل والترك إنما يتعاقبان عليها؛ لأنها حركات اختيارية يتعاقبان فيها اختياراً، وأما الباطنة الراجعة للإيمان. فهي اضطرارية تابعة لما يخلقها الله تعالى في النفوس ويوقعه فيها.⁴⁵

Jenis-Jenis Syarah : Dari Segi Metod Penulisan

Secara umumnya, ada empat jenis metod penulisan yang biasa digunakan oleh para pensyarah hadith. Kebiasaan para pensyarah hadith, mereka akan cuba untuk tidak keluar dari metod yang mereka telah menjadikan kayu ukur dalam penulisan mereka.

Di sana ada terdapat empat metod atau manhaj iaitu *Manhaj al-Ijmali*, *Manhaj al-Tahlili*, *Manhaj al-Muqoron* dan *Manhaj al-Maudhu'i*. Disini akan dibawakan contoh bagi setiap manhaj secara ringkas.

Metod Pertama : *al-Ijmali* (Syarah Hadith Secara Umum)

Manhaj yang pertama ini adalah manhaj yang paling mudah dan ringkas kerana ianya berbentuk *ijmali* atau bersifat umum. Pensyarah hadith tidak mensyarahkan hadith dengan syarahan yang berjela-jela dan panjang. Penjelasan yang diberikan bersifat umum dan tidak membincangkan masalah yang berkaitan dengan hadith dengan perbincangan yang mendalam.

⁴⁵ Lihat: Al-Haitami, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar, *al-Fath al-Mubin bi Syarh al-Arba'in*, (Jeddah: Dar al-Minhaj, 1428H/2008M), hlm 299.

Pensyarah akan memberi makna atau maksud umum atau kefahaman umum bagi hadith yang disyarah. Pensyarah yang menggunakan manhaj ini kebiasaannya tidak akan terlepas dari menyatakan elemen ini iaitu⁴⁶: menerangkan makna umum hadith, menyatakan maksud bagi kalimah *ghoribah* (perkataan yang ganjil) yang terdapat dalam teks asal hadith, menerangkan *sabab wurud hadith* jika ada (secara ringkas).

Tujuan penulisan sebegini adalah untuk memudahkan pembaca untuk memahami hadith dan konteksnya secara menyeluruh dalam bahasa yang mudah dan ringkas, tanpa merosakkan maksud sebenar hadith. Ini juga sebagai langkah pertama buat pencinta hadith dan masyarakat dalam memahami maksud hadith Nabi s.a.w. Kebiasaannya, manhaj ini digunakan dalam mensyarahkan hadith-hadith yang terpilih atau kitab yang menghimpunkan hadith-hadith pilihan atau juga kitab-kitab hadith yang ringkas.

Contoh bagi manhaj ini : Dipetik dari buku *Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah fi al-Ahadith al-Sohihah al-Nabawiyyah*, karangan Ibn Daqiq al-'Eid (m. 702H):

ترك ما لا يعني المسلم

عن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "من حسن إسلام المرء تركه ما لا يعنيه" حديث حسن رواه الترمذي وغيره وهكذا.

•-----•

وقد رواه قرة بن عبد الرحمن عن الزهري عن أبي سلمة عن أبي هريرة وصحح طرقه ثم قال في الحديث: هذا من الكلام الجامع للمعاني الكثيرة الجليلة في الألفاظ القليلة ونحو ذلك قول أبي ذر في بعض حديثه: "ومن حسب كلامه من عمله قل كلامه إلا فيما يعنيه".

وذكر مالك أنه بلغه أنه قيل للقمان: "ما بلغ بك ما نرى يريدون الفضل" فقال: "صدق الحديث وأداء الأمانة وترك ما لا يعينني".

وروي عن الحسن قال: "من علامة إعراض الله تعالى عن العبد أن يجعل شغله فيما لا يعنيه".

وقال: قال أبو داود: أصول السنن في كل فن أربعة أحاديث وذكر منها هذا الحديث⁴⁷.

⁴⁶ Unsur-unsur ini berbeza mengikut kehendak penulis, hal ini tidak terikat di antara setiap pensyarah.

⁴⁷ Lihat: Ibn Daqiq al-'Eid, Muhammad bin 'Ali bin Wahb, *Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah fi al-Ahadith al-Sohihah al-Nabawiyyah*, (Muassasah al-Rayyan, 1424H/2003M), ctk ke-6, hlm 62.

Metod Kedua : *al-Tahlili* atau *al-Tafshili* (Syarah Hadith Secara Terperinci)

Manhaj al-Tahlili atau juga dikenali sebagai *manhaj al-Tafshili* adalah satu manhaj yang paling mendetil. Dari namanya sahaja, sudah dapat difahami betapa berat kandungannya. Manhaj ini menfokuskan penerangan hadith secara terperinci, mendalam dan menyeluruh, dimasukkan di dalamnya pelbagai perkara yang punya kaitan dengan tajuk yang dibahaskan.

Hadith-hadith dihuraikan dengan penghuraian yang mendalam, menyentuh segala aspek yang mampu disentuh. Kebiasaannya, ulama yang menerangkan hadith dengan menggunakan *manhaj* ini akan memasukkan unsur-unsur ini di dalam analisis mereka, antaranya:

Menyatakan *asbab wurud hadith*, menjelaskan segala permasalahan dan cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengan ilmu hadith seperti mengkaji sanad, *rijal hadith*, menerangkan darjat hadith tersebut, menyatakan *takhrij* hadith secara terperinci, menerangkan nasab perawi, mendatangkan *syawahid*⁴⁸ dan *mutaba'at*⁴⁹ hadith tersebut, menerangkan maksud perkataan yang ganjil (*kalimah gharibah*), *balaghah*, lafaz hadith, *i'rabnya*, memberi penjelasan jika terdapat kesalahfahaman masyarakat terhadap hadith yang disyarah atau terdapat keraguan yang ditimbulkan oleh musuh Islam, juga menerangkan *nasikh* dan *mansukh* jika ada, dan menyatakan serta menjelaskan faedah yang diperolehi daripada hadith yang dibahaskan dari sudut hukum dan hikmah disebalik hadith itu.

⁴⁸ *Syawahid*: satu hadith yang diriwayatkan oleh seorang sahabat, dan dalam masa yang sama ada sahabat yang lain yang turut meriwayatkan hadith tersebut samada secara lafaz atau makna. Maka, sahabat itu menjadi syahid kepada sahabatnya yang lain. Lihat: Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, '*Ulum al-Hadith Ashliha wa Ma'ashirha*', hlm 31.

⁴⁹ *Mutaba'at*: satu hadith yang diriwayatkan oleh seorang sahabat, dan hadith tersebut diriwayatkan oleh seorang perawi dan dalam masa yang sama ada perawi yang lain yang meriwayatkan hadith yang sama melalui jalur sanad yang berbeza dan berlaku pertembungan guru mereka atau guru kepada guru mereka; dengan syarat sahabat yang meriwayatkan hadith tersebut adalah sahabat yang sama. *Ibid*, hlm 30.

Walaupun begitu, sesetengah ulama ada yang lebih memfokuskan pada bab tertentu dan mengurangkan fokusnya pada bab yang lain, dan ini berlaku kerana kecenderungan ulama tersebut. Ada di antara mereka yang memfokuskan dan melebihkan penerangan mereka dalam bab hukum, begitu juga dalam bab *balaghah*, atau bab sains dan mungkin juga lebih memfokuskan pada menyebut dan mengutip mutiara hikmah para salaf.

Contoh kitab yang dapat penulis anjurkan kepada pembaca untuk dirujuk bagi memberi sedikit gambaran tentang manhaj ini, antaranya kitab *Fathul Bari bi Syarh Sohih al-Bukhari*, karangan al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqolani atau kitab hasil karangan Badr al-Din al-'Aini yang berjudul *Umdatul Qari Syarh Sohih al-Bukhari*.⁵⁰ Ini kerana, kitab-kitab ini membincangkan pelbagai aspek dan maklumat yang berkaitan dengan hadith yang ingin disyarah, disentuh segala macam perkara dari pelbagai sudut pandangan dan ini membuatkan syarah mereka menjadi syarah yang panjang namun sarat dengan informasi yang mendatangkan faedah yang besar kepada pembaca dan pengkaji.

Metod Ketiga : *al-Muqoron* (Syarah Hadith Secara Perbandingan)

Pada manhaj ini, ia lebih menfokuskan pensyarahan hadith dari sudut perbandingan maklumat dan pendapat. Antara tujuan penulisan yang menggunakan gaya sebegini adalah untuk membenteng pelbagai pendapat dan pandangan di hadapan pembaca dan pengkaji, disertakan juga hujah dan dalil bagi setiap pendapat dan akhirnya menyatakan pendapat yang terkuat dan meninggalkan pendapat yang lemah (mengikut pandangan pensyarah hadith).

Contoh bagi manhaj ini dapat dilihat dari kitab *al-Minhaj Syarh Sohih Muslim bin al-Hajjaj*, hasil karangan al-Imam al-Nawawi. Contoh yang diambil adalah ketika al-Imam mensyarahkan hadith:

(باب نجاسة الدم وكيفية غسله)

فيه (أسماء رضي الله عنها قالت: جاءت امرأة إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقالت: إحدانا يصيب ثوبها من دم الحيضة، كيف تصنع به؟ قال: تحته ثم تقرضه بالماء، ثم تنضجه، ثم تصلي فيه) الحيضة بفتح الحاء أي الحيض. ومعنى تحته: تقشره وتحكه وتنحته. ومعنى تقرضه: تقطعه بأطراف الأصابع مع الماء ليتحلل. وروي تقرضه بفتح التاء وإسكان القاف وضم الراء؛ وروي بضم التاء وفتح القاف وكسر الراء المشددة. قال القاضي عياض: رويناه بما جمعاً ومعنى تنضجه تغسله وهو بكسر الضاد كذا قاله الجوهري وغيره. وفي هذا الحديث، وجوب غسل النجاسة بالماء ويؤخذ منه، أن من غسل بالخل أو غيره من المائعات لم يجزئه، لأنه

⁵⁰ Penulis tidak berniat untuk memanjangkan lagi tulisan ini, maka penulis ingin mengajak para pembaca untuk merujuk kembali contoh yang telah penulis nukilkan pada bab yang sebelum ini, dibawah tajuk syarah hadith dari segi gaya bahasa (*uslub*).

ترك المأمور به؛ وفيه أن الدم نجس وهو بإجماع المسلمين؛ وفيه أن إزالة النجاسة لا يشترط فيها العدد، بل يكفي فيها الإنقاء؛ وفيه غير ذلك من الفوائد.

واعلم أن الواجب في إزالة النجاسة الإنقاء، فإن كانت النجاسة حكمية وهي التي لا تشاهد بالعين كالبول ونحوه، وجب غسلها مرة ولا تجب الزيادة؛ ولكن يستحب الغسل ثانية وثالثة؛ لقوله صلى الله عليه وسلم: (إذا استيقظ أحدكم من نومه فلا يغمس يده في الإناء حتى يغسلها ثلاثاً). وقد تقدم بيانه.

وأما إذا كانت النجاسة عينية كالدم وغيره فلا بد من إزالة عينها ويستحب غسلها بعد زوال العين ثانية وثالثة. وهل يشترط عصر الثوب إذا غسله؟ فيه وجهان؛ الأصح أنه لا يشترط. وإذا غسل النجاسة العينية فبقي لونها، لم يضره بل قد حصلت الطهارة. وإن بقي طعمها، فالثوب نجس، فلا بد من إزالة الطعم. وإن بقيت الرائحة، ففيه قولان للشافعي: أفصحهما يطهر والثاني لا يطهر. والله أعلم.⁵¹

Metod Keempat : *al-Maudhu'i* (Syarah Hadith Berdasarkan Tajuk)

Manhaj al-Maudhu'i adalah salah satu manhaj dalam mensyarahkan hadith nabawi, dimana jenis pensyarah berbentuk ini tidak banyak dikarang dan ditulis oleh ulama-ulama terdahulu kerana kebanyakan mereka lebih menfokuskan dalam mensyarah kitab hadith sedangkan *manhaj* ini hanya mensyarahkan hadith berdasarkan tajuk khas.

Jika diperhatikan dari tajuknya sahaja, sudah dapat difahami bahawa *manhaj* ini menghadkan tajuk yang tertentu lalu mensyarahkan hadith yang dikumpul bersesuaian dengan tajuk yang dipilih dan sesekali tidak akan lari dan keluar dari tajuk asal perbahasan. Perbahasan mereka berputar sekitar tajuk sahaja dan akan menyelesaikan segala macam masalah dan persoalan yang timbul mengikut tajuk yang dibahaskan.

Tambahan lagi, tajuk-tajuk yang dipilih oleh pensyarah kemungkinan berkaitan dengan agama, aqidah, sahsiah, akhlak, kemasyarakatan, sains, kekeluargaan, percintaan, hukuman, alam sekitar, pembangunan negara, muamalat harta, kesihatan dan bermacam lagi; yang pasti syarah mereka berdasarkan perspektif hadith nabawi dengan mencari hadith-hadith yang berkaitan dengan tajuk samaada terdapat hubungan dari segi lafaz hadith mahupun makna.

Pensyarah hadith yang menggunakan *manhaj* ini akan mengumpulkan semua hadith yang mempunyai hubungkait dengan tajuk yang ingin dibincangkan, ditempatkan di suatu tempat untuk dikaji dan dihuraikan sesuai dengan pemahamannya. Pensyarah juga boleh mengambil ayat al-Quran

⁵¹ Lihat: al-Nawawi, Yahya bin Syarf, *al-Minhaj Syarh Sohih Muslim bin al-Hajjaj*, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 1392H), ctk kedua., jld 3, hlm 199-200.

sebagai sandaran utama, dan juga kata-kata para sahabat mahupun pendapat para *tabi'in* atau *salafussoleh*. Dengan cara ini, makna dan target perbincangan akan lebih jelas dan sempurna.

Contoh hasil karangan ulama yang menggunakan manhaj ini: *Syarh Hadith LabbaikAllahumma Labbaik*, oleh Zainuddin Abdul Rahman bin Ahmad bin Rajab al-Hanbali (m. 795H); *Izalat al-Syubhah'an Hadith al-Turbah*, oleh Abdul Qadir bin Habibullah al-Sindi; *al-Habbat al-Sauda fi al-Hadith al-Nabawi wa al-Thibb al-Hadith*, oleh Dr. Abdullah bin 'Umar Bamusi; *Syarh Hadith Ibn 'Abbas fi al-Faraidh*, oleh Abdul Muhsin bin Muhammad al-Munif dan banyak lagi.⁵²

Kesimpulan

Tamadun adalah sebuah indikator yang menjadi pengukur taraf urbanisasi dari zaman ke zaman dari segi perubahan fizikal dan rohani. Bagaimanapun, tamadun yang berteraskan sunnah merupakan tamadun yang amat baik kerana ia meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Ia juga sesuai untuk digunakan sepanjang zaman kerana nilai-nilai moral dalam Islam sentiasa relevan dari semasa ke semasa. Akhlak yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w juga adalah sebaik-baik dan semulia-mulia akhlak manusia. Ia merupakan akhlak al-Quran. Disebabkan oleh itu kita disarankan untuk melakukan segala sunnah baginda supaya dapat membentuk peribadi yang baik.

Dalam kata lain, tamadun Islam yang berteraskan kepada sunnah Rasulullah s.a.w juga sentiasa menitikberatkan nilai-nilai tanggungjawab dan menjaga kemaslahatan ummat dengan cara yang betul yang hanya berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Oleh itu, jika setiap individu muslim dapat melakukan segala nilai-nilai moral yang diajarkan oleh Rasul, umat manusia dalam sesebuah tamadun tersebut pastinya akan hidup dalam keadaan yang harmoni dan aman damai.

Sejarah penulisan syarah hadith telah pun bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi dan kegiatan ini terus berkembang dari semasa ke semasa. Setiap zaman dan kurun menunjukkan kehebatan dan kesungguhan ulama hadith dalam menyumbang dan memberi khidmat yang terbaik dan cemerlang dalam menjaga sunnah Rasulullah s.a.w. Untuk pembinaan sebuah tamadun yang berteraskan Islam, kegiatan dan aktiviti pensyarahan hadith nabawi akan terus berlangsung sehinggalah tiba masanya yang telah ditetapkan oleh Allah.

⁵² Penulis tidak datangkan contoh penulisan syarah hadith maudhu'i kerana ia akan memakan helaian yang banyak kerana syarah hadith secara bertajuk memerlukan helaian kertas yang banyak dalam menyatakan syarahan tersebut, sehingga ada yang menulis satu kitab khas dalam hanya mensyarahkan satu tajuk seperti kitab *Syarh Hadith Ibn 'Abbas fi al-Faraidh*.

Jika dikumpulkan semua kitab syarah hadith, ulama *muhaddisin* tidak akan lari dari menggunakan jenis-jenis pensyarahan hadith seperti yang disebut diatas. Jenis-jenis pensyarahan hadith boleh dibahagikan kepada dua aspek. Aspek pertama : jenis pensyarahan hadith dari sudut gaya bahasa pensyarahan hadith atau dalam bahasa arabnya disebut *uslub*. Disini dapat dibahagikan pula kepada tiga jenis iaitu, *uslub qauluhu*, tajuk kecil dan cara yang pelbagai.

Manakala dari aspek yang kedua, metod penulisan pula ulama tidak akan keluar dari empat jenis metod ini. Dalam erti kata yang lain, ulama akan menggunakan salah satu dari empat metod ini dalam penulisan kitab syarah mereka, dan empat metod yang dimaksudkan ini adalah *manhaj al-Ijmali*, *al-Tahlili*, *al-Muqoron* dan *al-Maudhu'i*.

Secara umumnya, dapat dikatakan betapa mulianya hati ulama-ulama *muhaddisin* kita yang sanggup menghabiskan masa hidup mereka dalam memberi khidmat terhadap hadith nabawi, demi pembangunan sebuah tamadun yang mulia. Semoga sejarah yang ditinggalkan oleh ulama dapat menjadi pemangkin utama kepada kita untuk meneruskan lagi legasi penulisan syarah hadith demi menjaga ketulenan dan kesahihan hadith dan sunnah Baginda Rasulullah s.a.w.

Rujukan

- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *al-Jami' al-Musnad as-Sohih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah sollallahu 'alaihi wa sallam wa Sunanihi wa Ayyamihi*, masyhur dengan "*Sohih al-Bukhari*", Dar Thuq al-Najat, 1422H, Tahqiq: Muhammad Zuhair bin Nashir al-Nashir.
- Al-Bassam, Abdullah bin Abdul Rahman, *Taisir al-'Allam Syarh 'Umdatul Ahkam*, Qaherah: Maktabah al-Tabi'en; Emiret: Maktabah al-Shohabah, 1426H/2006M, Tahqiq dan Ta'liq: Muhammad Shobhi bin Hassan Hallaq.
- Al-Ghaniman, Abdullah bin Muhammad, *Syarh Kitab al-Tauhid min Sohih al-Bukhari*, Madinah: Maktabah al-Dar, 1405H.
- Al-Haitami, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar, *al-Fath al-Mubin bi Syarh al-Arba'in*, Jeddah: Dar al-Minhaj, 1428H/2008M.
- Al-Nasaie, Ahmad bin Syu'aib, *al-Mujtaba minas Sunan = as-Sunan as-Sughra lin-Nasaie*, Haleb: Maktab al-Mathbu'ah al-Islamiyyah, 1406H/1986M, Cetakan ke-2, Tahqiq: Abdul Fatah Abu Ghudah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa, *al-Jami' atau Sunan at-Tirmizi*, Mesir: Syarikah Maktabah dan Mathba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabi, 1395H/1975M, Cetakan ke-2, Tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir, Muhammad Fuad Abdul Baqi dan Ibrahim 'Uthwah 'Audh.

- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf, *al-Minhaj Syarh Sohih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, 1392H, cetakan kedua.
- Al- ‘Utsaimin, Muhammad bin Sholih, *Syarh Riyadh al-Solihin*, Riyadh: Dar al-Wathon, 1426H.
- Al-Asyraf, Haifa Abdul Aziz Sultani, *al-Syarh al-Maudhu’ie lil Hadith*, Thesis Master, Fakulti Quran dan Sunnah, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007M.
- Al-Zahrani, Muhammad bin Mathor bin ‘Uthman, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah Nasyatuhu wa Tathowwuruhi min al-Qarn al-Awwal ila Nihayah al-Qarn al-Tasi’ al-Hijri*, Riyadh: Dar al-Hijrah, 1417H/1996M.
- Haji Khalifah, Mustafa bin Abdullah, *Kasyf al-Zhunun ‘an Asami al-Kutub wa al-Funun*, Baghdad: Maktabah al-Muthanna, 1941M.
- Ibn Daqiq al-‘Eid, Muhammad bin ‘Ali bin Wahb, *Syarh al-Arba’in al-Nawawiyyah fi al-Ahadith al-Sohihah al-Nabawiyyah*, Muassasah al-Rayyan, 1424H/2003M, cetakan ke-6.
- Ibn Hajar al-‘Asqolani, Ahmad bin Ali, *Hady al-Sari Muqaddimah Fathul Bari*, al-Azhar: al-Dar al-‘Alamiyyah, 1434H/2013M, Ta’liq: Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz dan Muhammad Nashiruddin al-Albani.
- Ibn Hajar al-‘Asqolani, Ahmad bin Ali, *Fathul Bari bi Syarh Sohih al-Bukhari*, al-Azhar: al-Dar al-‘Alamiyyah, 1434H/2013M, Ta’liq: Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz dan Muhammad Nashiruddin al-Albani.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid, *Sunan Ibnu Majah*, Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah, Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi.
- Malik bin Anas, *Muwattho’ al-Imam Malik*, Beirut: Dar Ihya at-Turath al-‘Arabi, 1406H/1985M, Takhrij dan Ta’liq: Muhammad Fuad Abdul Baqi.
- Muhammad Abul Laits al-Khair Abadi, *‘Ulum al-Hadith Ashiliha wa Ma’ashiriha*, Malaysia: Dar al-Syakir, 1432H/2011M, cetakan ke-7.
- Muhammad bin Sodiq Bankiran, *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyyah fi al-Qarnain al-Tsani wa al-Tsalits lil Hijrah*, Madinah: Majma’ al-Malik Fahd, tanpa tarikh.
- Muhammad bin Hibban bin Ahmad, *Sohih Ibnu Hibban bi Tartib Ibnu Balban*, Beirut: Muassasah ar-Risalah, 1414H/1993M, Cetakan ke-2, Tahqiq: Syuaib al-Arnauth.
- Muslim bin al-Hajjaj, *al-Musnad as-Sohih al-Mukhtasar bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ila Rasulillah sollallahu ‘alaihi wa sallam*, masyhur dengan “*Sohih Muslim*”, Beirut: Dar Ihya at-Turath al-‘Arabiyy, Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi.

- Alias Azhar. 2008. *Sains dan teknologi di era ketamadunan Islam*. Jurnal Pengajian Islam bil 3 : 137-152
- Kurshid Ahmad. 1979. *Economic Development in an Islamic Framework dlm Islamic Perspectives*. London : The Islamic Foundation.
- Nasr, S. H. 1984. *Science and Civilization in Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar.
- Sulaiman Nordin. 1995. *Islam, Al-Quran dan Ideologi Masa Kini*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ziauddin Sardar. 1989. *Exploration in Islamic Science*. London & New York : Mansell Publishing Limited.
- Ziauddin Sardar. 1992. *Hujah Sains Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka